

**TERHAD**



---

**PEKELILING PERKHIDMATAN BILANGAN 6 TAHUN 2019**

---

**KENAIKAN KADAR BANTUAN SARA HIDUP**

**TUJUAN**

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan untuk melaksanakan keputusan Kerajaan berhubung pemberian Bantuan Sara Hidup (*Cost of Living Assistance – COLA*) kepada pegawai dalam Perkhidmatan Awam Persekutuan dimana ianya dikeluarkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 2019 yang mana pelaksanaannya diterima pakai di Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dengan beberapa pindaan yang berkaitan.

**LATAR BELAKANG**

2. Kerajaan telah memperuntukkan pemberian Bantuan Sara Hidup melalui Pekeliling Perkhidmatan 3 Tahun 2012. Pemberian Bantuan Sara Hidup adalah bertujuan untuk meningkatkan kesejahteraan dan kebajikan Pegawai Perkhidmatan Awam.

3. Pekeliling Perkhidmatan ini adalah bagi maksud menjelaskan mengenai kaedah pelaksanaan Bantuan Sara Hidup.

**PELAKSANAAN**

**Pegawai Yang Layak**

4. Pegawai yang layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :

**TERHAD**

## **TERHAD**

- a. Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta Kumpulan Pelaksana;
- b. lantikan tetap, sementara, kontrak (*Contract of Service*) dan guru interim;
- c. diluluskan sebarang jenis cuti bergaji penuh;
- d. diluluskan sebarang jenis cuti separuh gaji dibayar atas kadar separuh;
- e. diluluskan Cuti Belajar Bergaji Penuh di dalam negara dibayar mengikut lokasi institusi pengajian; atau
- f. diluluskan Cuti Belajar Separuh Gaji di dalam negara dibayar atas kadar separuh mengikut lokasi institut pengajian;

### **Pegawai Yang Tidak Layak**

5. Pegawai yang tidak layak Bantuan Sara Hidup adalah seperti berikut :
  - a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
  - b. memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi;
  - c. pegawai *Contract for Service*;
  - d. dibayar Bayaran Insentif Wilayah;
  - e. berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya;
  - f. dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta;
  - g. dibayar Elauan Perbezaan Sara Hidup;
  - h. diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu (1) tahun; atau
  - i. bercuti tanpa gaji

### **Kaedah Pelaksanaan dan Kadar**

## TERHAD

6. Bantuan Sara Hidup dibayar mengikut tempat kerja (pejabat) pegawai atau institusi pengajian bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara.
7. Bagi pegawai yang diluluskan cuti belajar/kursus jangka panjang dalam negara di Sabah, Sarawak atau Labuan, kadar Bantuan Sara Hidup adalah mengikut Kawasan A.
8. Kadar Bantuan Sara Hidup adalah seperti di **Jadual 1** berikut:

**Jadual 1 : Kadar Bantuan Sara Hidup**

Kawasan	Kadar Sebulan (RM)	
	Kumpulan Pengurusan & profesional	Kumpulan Pelaksana
Kawasan A	300	350
Kawasan B	250	300
Kawasan Lain	150	200

9. Kawasan A dan B adalah berdasarkan persempadanan kawasan pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan yang ditetapkan seperti berikut:

### **Pihak Berkuasa Tempatan – Kawasan A**

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Wilayah Persekutuan	Kuala Lumpur dan Putrajaya
Pulau Pinang	Pulau Pinang dan Seberang Perai
Selangor	Ampang Jaya, Kajang, Klang, Petaling Jaya, Selayang, Sepang, Shah Alam dan Subang Jaya
Johor	Johor Bahru dan Iskandar Puteri

## TERHAD

### Pihak Berkuasa Tempatan – Kawasan B

Negeri	Pihak Berkuasa Tempatan
Johor	Batu Pahat, Kluang, Kulai, Muar, Pasir Gudang dan Segamat
Kedah	Alor Star, Kulim, Langkawi, Sungai Petani dan Kubang Pasu
Kelantan	Kota Bharu
Melaka	Alor Gajah, Bandar Melaka dan Jasin
Negeri Sembilan	Nilai, Port Dickson dan Seremban
Perak	Ipoh, Kuala Kangsar, Manjung, Taiping dan Teluk Intan
Pahang	Bentong, Kuantan dan Temerloh
Perlis	Kangar
Terengganu	Kemaman, Kuala Terengganu dan Dungun

10. Kadar Bantuan Sara Hidup bagi pegawai yang diperuntuk Rumah Kerajaan adalah seperti berikut:

- a. Rumah Kerajaan dalam lingkungan 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar separuh daripada kelayakan pegawai; atau
- b. Rumah Kerajaan melebihi 25 kilometer radius dari tempat kerja (pejabat) dibayar atas kadar penuh.

11. Pembayaran Bantuan Sara Hidup hendaklah dibuat secara *proportionate* dalam keadaan di mana perkhidmatan atau penempatan pegawai tidak genap satu (1) bulan.

## TARIKH KUAT KUASA

12. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai **1 Januari 2020**.

## **TERHAD**

### **PEMAKAIAN**

13. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak UMT, Pekeliling Perkhidmatan ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Perkhidmatan Awam Negeri, Pihak Berkuasa Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Disediakan oleh :-

Jabatan Sumber Manusia

Pejabat Pendaftar

Universiti Malaysia Terengganu

Tarikh Disediakan : 28-11- 2019